

Pemilik blog tak terlepas tindakan

BH-24/1/2007

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pentadbir dan pemilik laman forum atau blog tidak bebas daripada dikenakan tindakan undang-undang serta harus bertanggungjawab terhadap apa yang mereka lakukan.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan berpegang kepada dasar tidak menapis kandungan di internet, bloggers harus memahami ada undang-undang fitnah dan hasutan yang boleh dikuatkuasakan.


"Mereka (blogger) harus ingat bahawa mereka tidak boleh menyembunyikan diri atau mengambil kesempatan dengan melakukan sesuatu yang melanggar undang-undang.

"Mereka harus tahu dan tidak boleh melindungi serta berharap dilindungi dengan perlindungan tertentu," katanya pada sidang media selepas memberikan ucapan, semalam.

Beliau diminta mengulas tindakan kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) dan beberapa pegawai kanannya memfailkan saman fitnah terhadap Ahirudin Atan dan Ooi Chuan Aun berhubung beberapa artikel yang disiarkan dalam laman blog mereka.

NSTP dan plaintif lain, Timbalan Pengerusinya, Datuk Kalimullah Hassan; Ketua Eksekutif, Datuk Syed Faisal Albar; Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Hishamuddin Aun dan bekas Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Brendan Pereira, memfailkan saman itu secara berasingan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, 4 Januari lalu.

Mengikut laporan akhbar, kedua-dua saman fitnah itu berhubung beberapa artikel dan komen yang disiarkan atau dibenarkan untuk disiarkan oleh Ahirudin dan Ooi dalam laman blog masing-masing.



BERTEMU PEMIMPIN: Abdullah beramah mesra dengan pelajar London School of Economics (LSE) di London, semalam.

Semua plaintif mendakwa, artikel dan komen yang dipaparkan dalam kedua-dua laman blog itu berunsur fitnah dan merujuk kepada mereka.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, media sama ada cetak, elektronik dan internet termasuk pemilik laman blog mempunyai tanggungjawab.

"Tugas dan tanggungjawab datang bersama. Jika anda mahu kebebasan tanpa tanggungjawab...itu saya tidak setuju kerana kebebasan tanpa tanggungjawab bawa kehancuran," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, bidang pendidikan harus ditingkatkan terutama penguasaan bahasa Inggeris berikutan kepentingan dalam dunia global sekarang.

Katanya, universiti harus mengadakan pelbagai kerjasama dengan universiti asing termasuk bidang penyelidikan dan pembangunan selain mengambil pensyarah dari luar negara dalam bidang penting untuk membantu pencapaian status negara maju menjelang 2020.

Beliau berkata, pelajar Malaysia

yang dibiaya kerajaan termasuk bidang kritikal harus pulang seperti dinyatakan dalam perjanjian tajaan pelajaran mereka.

Pada sebelah pagi, Abdullah berada di London School of Economics (LSE) dan menyaksikan majlis penyerahan cek 50,000 British Pound (RM350,000) daripada Alumni Malaysia dan empat penyumbang kepada LSE.

Turut hadir, Presiden Persatuan Alumni LSE Malaysia, Datuk Dr Munir Majid. Terdapat 204 pelajar Malaysia di LSE.